



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

SAMBUATAN 80 TAHUN JKM: DARIPADA BANTUAN KEBAJIKAN MENUJU PEMERKASAAN KOMUNITI DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

PUTRAJAYA, 3 September 2026 – Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) hari ini melakar detik bersejarah apabila meraikan Sambutan Ulang Tahun Ke-80 penubuhannya yang menandakan perjalanan lapan dekad dalam menyantuni masyarakat dan menyampaikan perkhidmatan kebajikan sejak tahun 1946. Sepanjang tempoh tersebut, JKM terus berkembang seiring perubahan keperluan masyarakat, daripada penyampaian bantuan kebajikan kepada pengurusan pelbagai program perlindungan, pemulihan, pembangunan komuniti serta pemerkasaan kumpulan sasar.

Majlis Perasmian Sambutan Ulang Tahun Ke-80 JKM telah disempurnakan oleh YABhg. Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail. Turut hadir, adalah YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM); YB Puan Lim Hui Ying, Timbalan Menteri KPWKM; YBhg. Datuk Dr. Maziah Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM dan YBhg. Datuk Che Murad Sayang bin Ramjan, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat selaku tuan rumah bagi majlis sambutan ini bersama-sama mantan Ketua Pengarah, para pesara, rakan strategik dan warga JKM dari seluruh negara.

Tema “**Menyantuni Rakyat, Memperkasa Masyarakat**” mencerminkan komitmen JKM untuk terus memperluas kaedah penyampaian perkhidmatan kebajikan, selaras dengan perubahan keperluan dan cabaran masyarakat. Konsep menyantuni diterjemahkan melalui penyampaian perkhidmatan yang berteraskan ihsan, empati dan keprihatinan, manakala usaha memperkasa pula memberi penekanan kepada keupayaan individu, keluarga dan komuniti untuk bangkit, berdikari serta menjalani kehidupan dengan lebih sejahtera.

YABhg. Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail menekankan bahawa setiap perancangan dan pelaksanaan dasar dan inisiatif perlu mengambil kira faktor-faktor perubahan demografi penduduk, peningkatan jangka hayat, kepentingan kanak-kanak selaku masa depan negara dan keperluan serta input daripada petugas-petugas di

lapangan supaya pelaksanaannya benar-benar praktikal dan manfaatnya sampai kepada rakyat terbanyak.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri dalam ucapannya memperincikan evolusi JKM yang kini berkembang sebagai peneraju perlindungan sosial negara. Beliau merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah atas pelbagai kejayaan pemodenan perkhidmatan JKM, antaranya:

- **Pengiktirafan Reformasi Kerenah Birokrasi:** Kejayaan pelaksanaan projek berimpak tinggi menerusi pengintegrasian *Sistem eBantuanJKM* dan *Sistem iSPEKS* yang mempercepatkan rantai penyaluran bantuan kepada rakyat.
- **Kelulusan Rang Undang-Undang (RUU) Profesion Kerja Sosial 2026:** RUU ini telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 14 Julai 2026 dan Dewan Negara pada 30 Julai 2026 dengan memartabatkan kelayakan, etika dan akauntabiliti pengamal kerja sosial di Malaysia.
- **Pengukuhan Sistem Perlindungan Kanak-Kanak & Warga Emas:** Menerusi Pelan Tindakan Dasar Kanak-Kanak Negara 2026–2030 dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) 2026–2030 yang menekankan pendekatan *Family-Based Care, Diversion*, serta konsep *Aging in Place*.
- **Penghargaan kepada "Hero Jaket Oren":** Setinggi-tinggi penghargaan buat petugas barisan hadapan JKM yang sentiasa bersiap sedia di lapangan dan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) semasa krisis bencana.

Bagi memastikan kualiti penyampaian perkhidmatan terus berada pada tahap terbaik, JKM memberi penekanan khusus kepada pengukuhan keupayaan organisasi dan kesejahteraan warga kerja yang berhadapan dengan kes-kes semakin kompleks. Langkah penstrukturan semula menerusi pelaksanaan audit organisasi dan perjawatan telah dijalankan bagi menyelaraskan struktur serta keperluan sumber manusia dengan cabaran semasa. Usaha ini bukan sahaja bertujuan meningkatkan kecekapan perkhidmatan kepada rakyat, malah memastikan kebajikan dan beban tugas warga JKM sentiasa dipelihara seiring dengan pertambahan tanggungjawab yang dipikul.

- TAMAT -

Dikeluarkan Oleh:

Jabatan Kebajikan Masyarakat

E-mel: pro@jkm.gov.my | Laman Web: www.jkm.gov.my

Tarikh: 3 September 2026